



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


21 Jamadilakhir 1443 / 24 Januari 2022

1. Pada hari ini, Isnin 21 Jamadilakhir 1443 bersamaan dengan 24 Januari 2022, sebanyak **16 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 16,148 orang**.
 - Daripada jumlah tersebut, **15** adalah kes tempatan manakala **1** adalah kes import.
 - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **850 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **1.9%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif).

3. **18 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,682 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **364 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **9.2%**.
4. Sehingga kelmarin, 23 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.8%**;
 - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.9%**; manakala
 - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **37.2%**.
5. Seterusnya, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberadaan kes-kes positif yang dikesan di negara ini, Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan sedikit hasil penelitian yang telah dijalankan. Sebagaimana yang tertera pada skrin sekarang, di antara **16 Januari 2022 sehingga 22 Januari 2022, Alhamdulillah, tidak ada mukim mempunyai lebih daripada 40 kes, di mana 20 mukim (51.3%) mempunyai jumlah kes di antara 1-40 kes dan 19 mukim (48.7%) mempunyai kes sifar.**

(epidemic map on screen)

6. Sementara itu, sejak 18 Januari 2022 sehingga 24 Januari 2022, sebanyak 247 kes telah dikesan di Negara Brunei Darussalam di mana **81 daripadanya adalah kes import**. Rajah yang tertera di skrin sekarang menunjukkan negara-negara dari mana kes-kes import tersebut telah tiba.



7. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12 malam semalam hingga 4 pagi tadi, Alhamdulillah, **tidak ada pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara.

8. Patuhilah segala SOP dan garis panduan semasa fasa awal endemik ini. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa melindungi Negara Brunei Darussalam dari segala musibah dan bencana khususnya wabak COVID-19.. Aamiin Aminn Ya Rabbalalamin..

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 21 Jamadilakhir 1443H / 24 Januari 2022